

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

SEPTEMBER 2001

RAG 132 – Penghantar Alam Bina & Penempatan Manusia

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja: Jawab **DUA** soalan daripada **BAHAGIAN C** dan **TIGA** lagi soalan boleh dipilih daripada mana-mana **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B**.

BAHAGIAN A (Jawan **SATU** soalan)

1. (a) Manusia adalah makhluk yang paling mulia dijadikan Tuhan untuk mentadbir dan mengurus bumi, alam sekitar dan alam bina. Bincangkan kenyataan di atas dengan merujuk kepada keistimewaan dan kekuatan makhluk bergelar manusia.
- (b) Jelaskan setiap kenyataan-kenyataan berikut.
 - i. Keperluan Kemestian.
 - ii. Keperluan Kehendak.
 - iii. Keperluan Pelengkap.
 - iv. Bukan Keperluan.

Berdasarkan kenyataan di atas, apakah pandangan anda mengenai pembangunan fizikal di kampus USM.

(20 markah)

2. (a) Salah satu cara untuk memahami bentuk kehidupan dan pencapaian sesuatu tamadun itu ialah melalui pengkajian ke atas alam bina atau seni bina yang ditinggalkan. Dengan merujuk kepada mana-mana peninggalan (sejarah) alam bina atau seni bina, jelaskan aspek-aspek ketamadunan dan pencapaian yang dapat ditemui dan dipelajari.

(b) Alam bina dan seni bina perlu mempunyai beberapa ciri yang lazim. Jelaskan beberapa ciri berikut dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai:-

- (i) Keselesaian.
- (ii) Fungsi.
- (iii) Keselamatan.
- (iv) Aestetika.
- (v) Ekonomikal.

(20 markah)

BAHAGIAN B: (Soalan 3 adalah WAJIB dan mana-mana SATU soalan lain)

3. (a) Apakah needle dan apakah pula gunanya dalam alam bina?
- (b) Dari pengalaman anda, tunjukkan penghasilan sebuah needle pada skala objek, dalaman, bangunan, perkarangan, urban, wilayah dan global.
- (c) Apakah pembaikan yang dapat dibuat pada tiap-tiap satu kawasan niat, laku, hasil, aktor, aturan dan hasil.

(20 markah)

4. Rumah kos rendah adalah satu masalah yang sengaja diadakan untuk tujuan tertentu. Bincangkan menggunakan model penghasilan.

(20 markah)

5. Kerosakan dan pembaikan alam bina adalah satu yang alamiah, oleh yang demikian usaha manusia untuk menyelamatkan bumi dari kehancuran adalah satu usaha yang sia-sia. Bincangkan menggunakan model penghasilan.

(20 markah)

6. Kerosakan bumi dan apa yang melata di atasnya adalah akibat penggunaan hukum manusia. Oleh yang demikian hukum manusia perlu digantikan dengan hukum alam. Bincangkan menggunakan model penghasilan.

(20 markah)

BAHAGIAN C: (Jawab DUA soalan sahaja)

7. Bincangkan takrifan Bandar menurut definisi di bawah. Nyatakan kebaikan dan kelemahan setiap definisi dengan menyertakan contoh-contoh.
- (a) Definisi demografi
 - (b) Definisi budaya

(20 markah)

8. Bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan dan pembangunan bandar-bandar di Malaysia sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua.

(20 markah)

9. "Kewujudan bandar primat di negara-negara yang sedang membangun membantu pembangunan dengan cara yang lebih efisien". Bincangkan.

(20 markah)

-ooo00ooo-

